

**SEKALIPUN** kita bukan ahli politik, tetapi sebagai rakyat yang cintakan negara, kita tetap mempunyai tanggungjawab bersama terhadap perkembangan politik tanahair sendiri. Ini adalah kerana politik adalah bidang yang menentukan nasib kehidupan kita.

Oleh kerana perkembangan politik itu menentukan corak kepimpinan negara, maka tumpuan kita mestilah diberi kepada kemungkinan tertubuhnya sebuah kerajaan dengan berdasarkan kuasa yang diberikan oleh rakyat terhadap sesuatu parti politik yang mendirikan kerajaan tersebut.

Dalam masa kerajaan menyerahkan kuasa mutlak kepada rakyat menentukan sebuah kerajaan melalui kemenangan besar sesebuah parti (atau konsep parti) yang dipilih oleh rakyat sokongan kita penting difikirkan dengan mendalam dan sungguh-sungguh.

Walaupun sebagai rakyat kita mempunyai kebebasan memilih kerajaan melalui kemenangan sesebuah parti (atau komponen parti) yang kemudian diberi mandat untuk memimpin dan memerintah negara, kita tidak mampu pada saat-saat sekarang ini mengambil sikap sambil lewa dalam tanggungjawab memilih kerajaan melalui undi yang diberikan kepada sesuatu parti yang bertanding, kerana sebarang rakyat merasakan mahla bersikapnya satu undi itu terbuang begitu sahaja.

Undi kita itu mempunyai makna yang besar terhadap corak masa depan kehidupan kita bersama di tanahair tempat kita menaduga nasib ini. Beberapa usaha telah pun kerajaan dilaksanakan bagi mendapatkan imbalan kepentingan di kalangan semua rakyat di negara ini iaitu oleh kepimpinan-pemimpin kita yang lalu.

Alhamdulillah, pada akhir-akhir ini, kita telah pun melihat-gandungan usaha-usaha dengan lebih sungguh-sungguh dan gigih lagi bagi mencapai keseimbangan dalam kehidupan kita yang telah begitu lama

tertinggal itu. Semasa zaman Tunku Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, usaha-usaha menyeimbangkan taraf hidup kita telah berlaku dalam bidang pelajaran dan latihan-latihan pembekalan tenaga mahir yang dikehendaki oleh negara.

Di bidang ekonomi rakyat desa, usaha-usaha pembangunan telah pun dilaksanakan dalam bentuk pelaksanaan projek-projek pembangunan (ekonomi) luar bandar.

**Perubahan**  
Akhir-akhir ini pula sebagai perubahan yang positif (yang baik) untuk rakyat telah pun dilakukan supaya setiap projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan itu dapat sampai ke tangan rakyat menurut tempoh waktu dan target yang dirangkaan itu.

Maka itulah sebabnya, dalam pimpinan Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam, usaha pembersihan dilancarkan. Di antara usaha-usaha itu termasuklah penguatkuasaan etika bekerja, menurut masa untuk pegawai-pegawai kerajaan,



DATUK SRI DR. MAHATHIR

penyisihan harta oleh semua pegawai kerajaan termasuk wakil-wakil rakyat dan para menteri, serta gejala tertangkanya beberapa orang yang telah melakukan kesalahan rasuah, dan sebagainya.

Masih banyak lagi yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat semua, bahawa setiap orang yang dikatakan rakyat negara ini mestilah diusah untuk bekerja dengan tekunnya serta menurut prinsip-prinsip yang membangun kehidupan rakyat yang selesa.

Semuanya itu sebenarnya adalah di antara kehendak-kehendak ajaran Islam kita untuk keadilan semua manusia. Inilah yang dikatakan orang sebagai sebahagian daripada maksud "hidup berdisiplin" itu.

Orang yang hidup berdisiplin mestilah jujur, dedikasi, tekun bekerja dengan etika berpus dengannya, bersikap toleransi, berbudi pekerti dan lain-lain lagi yang sampama.

Semuanya ini adalah di antara sifat-sifat kehidupan yang sangat digalakkan oleh Islam dalam merancang kehidupan masyarakat. Rakyat tentu sekali terbuka fikirannya dengan perubahan-perubahan baru yang

*Sekalipun Anwar Ibrahim seorang yang telah dengan pedas mengkritik kelemahan-kelemahan yang terjadi dalam pemerintahan kerajaan yang dahulu, beliau tetap diterima oleh Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai orang partinya pula*

diwujudkan itu dari segi kebaikan dan manfaatnya untuk masyarakat kita semuanya.

Walaupun ada di antara kita yang

# JIKA TERSALAH PILIH, KITA AKAN MENANGIS TAK BERLAGU...

Oleh: ARBAK OTHMAN *Universiti Pertanian Malaysia*

mungkin mengingati pengalaman dan kelemahan yang lalu, usaha memadamkan kelemahan yang telah dibuktikan oleh kerajaan baru kita selama ini tentulah tidak boleh kita lupakan begitu sahaja.

Kalaupun kecenderungan untuk membersihkan keadaan yang tidak bersih seperti itu telah berlaku oleh kepimpinan Dr. Mahathir, apakah kita sebagai rakyat yang wajar fikirannya masih mahu mengikuti atau terpengaruh dengan fikiran-fikiran

memberhentikan usaha-usaha positif yang hendak memadamkan kelemahan-kelemahan yang lalu itu daripada berterusan pada masa-masa hadapan?

Inilah di antara perkara-perkara yang perlu kita fikirkan dengan bijaksana. Kita tidak boleh mengikut kehendak hati yang terburu-buru hanya dengan mendengar fikiran-fikiran yang tidak sihat seperti fitnah-fitnah yang dianjurkan oleh orang-orang yang telah kecewa dalam kehidupannya.

Malah, sekalipun kedatangan orang-orang seperti ini, sikap pemerintah (kerajaan) kita tidak sekali-kali seperti itu terhadap mereka. Kepimpinan yang baru sentiasa berusaha menuju proses pembentukan kehidupan yang adil untuk semua.

Orang-orang yang kecewa juga tetap diberi peluang oleh kerajaan. Kita boleh buktikan ini dengan satu peristiwa sejarah iaitu peristiwa kemasyarakatan Saudara Anwar Ibrahim ke dalam UMNO.

Sekalipun Saudara Anwar Ibrahim seorang yang telah dengan pedas mengkritik kelemahan-kelemahan yang terjadi dalam pemerintahan kerajaan yang dahulu, beliau tetap diterima oleh Dr. Mahathir sebagai orang partinya pula.

*Kerajaan mempunyai banyak rancangan dan akan dapat dilaksanakan untuk dibuat sekiranya rakyat beri mandat*

Demikianlah sikap memimpin kita yang rasional dan mulia itu. Barangkali Datuk Sri Dr. Mahathir lebih mengetahui tentang nilai-nilai ajaran Islam yang murni, sekalipun beliau tidak memperlihatkan cara pakaian ala Arab dan sebagainya.

## Tindakan

Malah, di antara tindakan Nabi Muhammad kita pun boleh tindakan mencerminkan semua orang dalam masyarakatnya, sekalipun di antara orang-orang itu ada yang memusuhinya. Apakah gejala ini tidak dapat kita fahami sebagai baik sehingga kita mahu meragui kepimpinan beliau?

Negara kita memerlukan perubahan baru sama ada dari segi mutu kemajuan, kebendaan, pelajaran, ekonomi dan kerohanian demi pembangunan masyarakat Malaysia yang cerah dan teguh di masa akan

datang. Masyarakat Malaysia memerlukan penerusan perubahan yang ada ini supaya, mudah-mudahan, seluruh rakyat Malaysia turut sedikit demi sedikit merubah sikap-sikap hidup yang lama yang kurang baik kepada kesediaan baru yang lebih bererti dan bermutafakat kepada rakyat.

Hak kita sebagai rakyat amat penting dalam membuat keputusan tersebut pada hari membung undi nanti. Fikiran yang singkat boleh memusnahkan kita juga. Seandainya kita telah membuat keputusan yang salah, maka mulailah itu, kita akan menyesal tidak berhabisan.

Maknanya, jika kita tersalah membuat pilihan, yang akhirnya menentukan bentuk kerajaan yang memerintah, maka akan wujud keabangan pelepas Melayu bahawa kita semua "taklaq" mengangis tak berlagu" buat selama-lamanya.